

Kerajaan Kedah tawar tempat kepada 600 mahasiswa sambung pengajian

# Pelajar AIU dipelawa ke Kuin



Oleh **SHAHNI FARHANAMAT SAHIR**  
pengarang@utusan.com.my

**ALOR SETAR** 15 April - Kerajaan negeri membuka peluang kepada kira-kira 600 orang pelajar Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU) untuk menyambung pengajian mereka di Kolej Universiti Insaniah (Kuin).

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Kerajaan dan Pengangkutan negeri, Datuk Tajul Urus Md. Zain berkata, beliau dimaklumkan oleh Rektor Kuin bahawa mereka berminat untuk mengambil pelajar daripada universiti tersebut.

Menurutnya, pelawaan itu dibuat oleh AIU yang memberi kebebasan kepada pelajarinya untuk memilih Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sesuai dengan pengajian mereka.

"Kuin membuka pintu luas untuk pelajar AIU cuma dari segi mata kredit mereka perlu runding dengan pihak Kuin.

"Saya juga dimaklumkan, bagi pelajar sedia ada dan akan tamat pengajian pihak Al-Bukhary akan membuat pembiayaan sehingga pelajar itu berjaya, itulah maklumat yang saya dapat daripada rektor Kuin," katanya kepada pemberita di

sini hari ini. selepas melawat asrama lelaki Maktab Mahmud di sini yang musnah dalam kebakaran semalam.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai tuntutan saman yang dibuat oleh pelajar AIU hari ini, beliau memberitahu ia di luar pengetahuan.

Tajul Urus berkata, kerajaan negeri sentiasa memberi sokongan kepada AIU yang menawarkan pengajian percuma kepada pelajarinya.

Ujar beliau, sekiranya AIU mahu ditutup ia perlulah berhubung dengan pihak kerajaan negeri atau Kementerian Pendidikan.

"Memang hak dia untuk tutup tetapi sekurang-kurangnya satu tahun notis juga perlu dibuat dan saya dimaklumkan bahawa pihak AIU telah menghantar makluman kepada Kementerian pada 14 Mac lalu.

"Makluman secara rasmi perlu dibuat setiap-tidak-tidaknya datang berbincang dengan kerajaan negeri masalah berlaku, saya pun tidak tahu sama ada masalah pengurusan, pentadbiran atau kewangan," katanya.

Menurut Tajul Urus, meskipun perkara ini berlaku namun ia tidak menjejaskan usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan bidang pendidikan di Kedah menerusi kolej universiti sedia ada dan mempelawa universiti lain untuk masuk ke negeri ini.

PEMANDANGAN dari pekarangan hadapan Universiti Antarabangsa Albukhary di Alor Setar, Kedah.

u-m  
RABU  
16.04.17